

19/04/2000

Kempen senyap calon Umno

Kadir Dikoh

SETELAH semua 165 bahagian Umno di seluruh negara selesai mengadakan mesyuarat Jumaat lalu, tumpuan dan segala persiapan kini beralih kepada perhimpunan agung Umno bulan depan. Ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mula sibuk dengan persiapan hingga ke larut malam. Beberapa hotel di ibu negara sudah menerima tempahan untuk menempatkan kira-kira 2,000 perwakilan.

Gerakan kempen oleh calon semakin ditingkatkan meskipun dihadkan oleh halangan kod etika pemilihan bagi membanteras penyalahgunaan kuasa, rasuah dan politik wang dalam parti. Beberapa bilik hotel di ibu negara dijadikan bilik operasi. "Bukan apa, markas (bilik operasi) ini bagi memudahkan pemusatan tugas kempen. Kalau setakat belanja perwakilan di restoran atau makan nasi lemak di warung, bukan politik wang namanya. Setakat berbual-bual dan menyampaikan salam calon, apa salahnya," kata seorang ejen calon jawatan Majlis Tertinggi (MT) parti.

Calon yang mempunyai rumah di Kuala Lumpur pula mula dibanjiri tetamu hingga deretan kereta kelihatan di luar rumah sampai ke subuh. "Beginilah bang, bos mana boleh tutup pagar rumah walaupun dah subuh, apatah lagi semakin dekat hari perhimpunan Umno. Kalau kita tak layan orang yang datang dari luar Kuala Lumpur, apa pula kata mereka," kata pengurus kempen seorang lagi calon.

Bagaimanapun, terpulang kepada ahli sendiri untuk mentafsirkan bentuk rasuah atau tidak ketika mereka giat berkempen, sama ada untuk diri sendiri atau sebagai ejen calon.

Dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan jelas mahukan ahli parti menolak pemimpin yang menggunakan wang untuk membeli sokongan. Dr Mahathir berkata, beliau akan memasukkan nasihat itu dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno 11 Mei ini. Presiden Umno berkata, perwakilan perlu menerima nasihat itu kerana mana-mana pemimpin yang berusaha membeli sokongan tidak layak memimpin parti.

"Ini bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan. Kita juga dapati mereka yang menjadi wakil ke perhimpunan berusaha mendapatkan sesuatu bagi diri mereka dan berjumpa calon supaya memberi sesuatu jika ingin mendapat undi. Jelas sekali untuk membersihkan politik parti bukanlah sesuatu yang mudah. Kalau ada orang yang tidak begitu betul, politik wang akan berlaku," katanya.

Perhimpunan selama tiga hari itu bermula 11 Mei ini dan sehari sebelum itu, perhimpunan agung Pemuda dan Wanita yang akan dirasmikan oleh bakal Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam perkembangan terbaru, MT dalam mesyuaratnya kelmarin juga menolak semua pencalonan yang dibuat oleh jawatankuasa bahagian Gua Musang, Jumaat lalu. MT, yang bermesyuarat lebih tiga jam itu, mendapati bahagian yang diketuai Tengku Razaleigh Hamzah itu tidak mematuhi arahan berkaitan pencalonan oleh bahagian. Dengan itu juga, Tengku Razaleigh hilang kelayakan bertanding jawatan Naib Presiden. Pencalonan oleh jawatankuasa Umno Gua Musang itu Jumaat lalu memberikan 17 pencalonan kepada Tengku Razaleigh, jumlah minimum bagi melepasi syarat kelayakan bagi kerusi naib presiden.

Sebelum ini MT mahukan supaya mesyuarat perwakilan bahagian membuat pencalonan, tetapi bahagian Gua Musang, dalam mesyuarat perwakilannya pada 31 Mac lalu, menyerahkan kepada jawatankuasanya membuat pencalonan.

Mesyuarat jawatankuasa bahagian itu Jumaat lalu mencalonkan Dr Mahathir

sebagai Presiden; Abdullah (Timbalan Presiden); serta Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Seri Osu Sukam dan Tengku Razaleigh sendiri sebagai naib presiden.

Dengan itu juga, pencalonan yang diterima oleh Dr Mahathir kini 163 dan Abdullah 162 pencalonan. Namun, yang pasti arah aliran pucuk pimpinan Umno juga semakin jelas apabila perwakilan mahukan Perdana Menteri terus menerajui parti itu bagi tempoh tiga tahun akan datang. Hampir semua bahagian juga memberi sokongan padu kepada Abdullah untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Presiden Umno yang kosong sejak pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada September 1998.

Sebelum mesyuarat peringkat bahagian bermula, malah sejak selepas pilihan raya umum November lalu, pelbagai pihak terutama media asing meramalkan Tengku Razaleigh kemungkinan besar akan mencabar Dr Mahathir atau Abdullah, tetapi ramalan itu tidak tepat atau 'harapan' mereka tidak menjadi kenyataan. Mesyuarat bahagian yang bermula sejak 2 Mac lalu jelas menyaksikan pemimpin peringkat bawahan Umno menolak Tengku Razaleigh apabila beliau gagal mendapat pencalonan secukupnya bagi merebut dua jawatan tertinggi. Hanya Umno bahagian Tanah Merah mencalonkannya untuk jawatan presiden dan bahagian itu juga bersama bahagian Pasir Mas, menamakan Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan itu bagi jawatan timbalan presiden.

Keputusan itu juga jelas mematuhi nasihat Majlis Tertinggi (MT) Umno di mesyuaratnya pada 3 Januari lalu, yang sebulat suara mengesyorkan supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak ditandingi. Berikutan itu, tumpuan adalah kepada persaingan untuk merebut tiga jawatan naib presiden dengan dua penyandangannya, Najib dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib, yang dicabar oleh tujuh calon lain setelah Tengku Razaleigh terkeluar daripada senarai. Najib memperolehi 150 pencalonan iaitu yang tertinggi manakala Muhammad, 32.

Pencalonan kedua tertinggi diperoleh Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman iaitu 80; diikuti Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar (58); Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (37); Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam (34); Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (30); Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad (28); dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim (21).

"Pada saya, ahli Umno mahukan kesinambungan kepemimpinan dan oleh itu, dua jawatan tertinggi dimenangi tanpa dicabar. Ini juga jelas menunjukkan ahli Umno mahukan perpaduan serta kestabilan dalam parti tidak digugat kerana sebarang pertandingan bagi jawatan tertinggi boleh memecahkan perpaduan dalam keadaan Umno yang mahu bangkit semula selepas prestasinya merosot pada pilihan raya umum lalu," kata seorang pensyarah sains politik di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan. Namun katanya, ahli Umno juga kelihatan mahu perubahan dalam kesinambungan kepemimpinan apabila memberi sokongan kuat kepada Najib bagi mempertahankan jawatan Naib Presiden dan Abdul Ghani, muka baru yang menawarkan diri untuk jawatan itu.

"Naib Presiden adalah pemimpin pelapis ketiga yang bakal mewarisi jawatan yang lebih tinggi pada masa akan datang. Pertandingan kali ini amat bermakna sekali ketika Umno berada di ambang peralihan kuasa," katanya. Di kalangan calon naib presiden, Abu Hassan, Osu dan Ghani adalah yang pertama kali mencubanya.

Namun, kali ini juga timbul soal calon dari negeri yang sama yang memungkinkan undi pecah. Johor misalnya menampilkan tiga tokoh iaitu Abdul Ghani, Syed Hamid dan Muhyiddin; Abu Hassan dan Muhammad dari Selangor manakala Mohd Isa dan Dr Rais dari Negeri Sembilan.

"Bagaimanapun ahli Umno sudah matang dan mereka tidak mungkin mengundi

seseorang calon berdasarkan aliran sentimen kenegerian. Kalau mengikut sentimen kenegerian, mengapa calon dari Perak, negeri yang paling ramai perwakilan, tidak pernah menang jawatan naib presiden pada zaman moden ini, kecuali Tan Sri Ghazali Jawi hampir tiga dekad lalu," kata seorang ahli sains politik. Sebaliknya, kata beliau, perwakilan akan memilih calon yang berkebolehan, cekap dan amanah, tidak kira sama ada dari negeri yang sama, memegang jawatan di peringkat negeri atau pusat.

Apa yang penting, katanya, seseorang itu harus berupaya untuk membantu merealisasikan Wawasan 2020, melakukan reformasi kepada Umno dan berupaya memikat hati golongan muda bagi memacu kepemimpinan yang lebih mantap pada masa akan datang.

Seorang tokoh veteran Umno ketika memberi ceramah tertutup bertajuk 'Perjuangan Umno dalam konteks ketuanan Melayu pada alaf baru' di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan minggu lalu, percaya Umno akan melakukan reformasi secara besar-besaran selepas perhimpunan agung bulan depan. "Ramalan saya ialah Umno mungkin ada kejutan menjelang pilihan raya umum akan datang. Oleh itu, Umno kini mencari pemimpin yang benar-benar layak dan berwawasan," katanya di majlis yang diselang-seli dengan soal jawab menyebabkan suasana dalam dewan hangat, sepanas cuaca di luar.

Turut menarik perhatian kali ini ialah penyertaan buat kali pertama calon naib presiden dari luar Semenanjung. Osu memperoleh pencalonan kelima terbanyak dan mendapat sokongan padu daripada 20 bahagian Umno di Sabah. "Osu perlu diberi peluang, bukan sahaja untuk menyeimbangkan kepemimpinan Umno bagi peringkat naib presiden, malah mengukuhkan Umno di Sabah yang masih diancam pembangkang serta menunjukkan komitmen parti itu kepada rakyat Sabah. Sabah tidak harus dianggap sebagai anak tiri dalam Umno meskipun parti itu masih baru bertapak di negeri di bawah bayu," kata seorang ketua bahagian di negeri itu.

Tidak kurang menarik ialah perebutan jawatan Ketua Wanita di antara penyandang sepenggalnya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Datuk Seri Rafidah Aziz. Kedua-duanya memperoleh jumlah pencalonan yang tidak jauh bezanya. Rafidah memperoleh 92 pencalonan, manakala Dr Siti Zaharah 73 pencalonan.

Penyandang naib ketua Wanita, Datuk Napsiah Omar pula ketinggalan di belakang dua pencabarnya, iaitu Datuk Shahrizat Abdul Jalil (93) dan Ainon Khariyah Datuk Mohd Abas (48).

Bagaimanapun, jawatan Ketua Pemuda dimenangi oleh Datuk Hishammuddin Tun Hussein tanpa dicabar. Bagi jawatan naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir yang memperoleh 124 pencalonan dicabar oleh Zein Isma Ismail yang meraih 29 pencalonan.

Keseluruhannya, 235 calon dijangka bertanding dalam pemilihan bulan depan termasuk 77 bagi sayap Pemuda dan 67 sayap Wanita. Turut menarik perhatian ialah perebutan bagi 25 jawatan MT di kalangan 68 calon. Pada pemilihan 1996, tujuh calon bertanding jawatan naib presiden dan 55 calon MT.

(END)